

30/01/2003

Pelantikan Hang dibantah 4 bahagian

KUALA LUMPUR: Pelantikan Ketua Pemuda MCA bahagian Batu, Hang Chin Peng, sebagai ketua pergerakan MCA Wilayah Persekutuan mendapat bantahan Pemuda di empat bahagian.

Pemuda Kepong, Bukit Bintang, Titiwangsa dan Seputeh mengemukakan nota bantahan kerana mendakwa Hang yang dipilih Kumpulan A, adalah antara dalang yang menimbulkan kekecohan dalam mesyuarat Pemuda MCA Kebangsaan pada 8 Mac 2001.

Nota bantahan itu diserahkan oleh Timbalan Ketua Pemuda MCA Kepong, Yee Poh Ping, kepada Setiausaha Pemuda MCA Kebangsaan, Liow Tiong Lai, di sini semalam.

Dalam sidang akhbar selepas menyerahkan nota bantahan itu di Wisma MCA di sini, Yee mendakwa pelantikan Hang tidak mendapat sokongan majoriti ahli Pemuda MCA di tujuh bahagian lain Wilayah Persekutuan.

"Ini bertentangan dasar pelan damai yang disyorkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di mana persetujuan semua pihak perlu diperolehi dalam setiap pelantikan.